

**Pendidikan Teknik Dan Vokasional Penuhi Perkembangan Industri Negara –
Muhyiddin
Bernama
27 Mei, 2012**

GEORGE TOWN, 27 Mei (Bernama) -- Sistem pendidikan teknik dan vokasional bertujuan untuk menyahut cabaran negara bagi mengisi keperluan dalam bidang kejuruteraan serta kemahiran selaras dengan perkembangan industri negara.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan penting agar pendidikan teknik dan vokasional mampu melahirkan pelajar berilmu serta berjaya.

"Kementerian Pelajaran berharap semua pihak terutama golongan pendidik dapat menyetengahkan bakat pelajar yang berpotensi mencipta, mengubah dan menggunakan teknologi agar kemajuan yang dikecapi setanding negara-negara maju," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata demikian dalam kata-kata aluan buku cenderamata Karnival Voktek kali ke-XV peringkat kebangsaan yang berlangsung di Sekolah Menengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra di sini. Karnival yang disertai lebih 1,000 pelajar sekolah teknik dan vokasional seluruh negara itu diadakan selama lima hari bermula Rabu lepas dan berakhir hari ini.

Sebanyak lima jenis sukan iaitu bola sepak, bola jaring, ragbi, sepak takraw dan softball serta bahas Bahasa Inggeris dipertandingkan pada karnival berkenaan.

Muhyiddin berkata pihaknya meletakkan harapan yang tinggi kepada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk menyetengahkan bakat pelajar yang berpotensi dalam bidang kokurikulum melalui pertandingan-pertandingan yang dianjurkan seperti karnival itu.

Katanya bakat-bakat muda ini bukan sahaja dapat mewakili sekolah masing-masing tetapi hingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu kebangsaan atau ke persada antarabangsa.

Pada masa yang sama, beliau berkata golongan pelajar juga haruslah memperluaskan diri mereka dan meningkatkan penyertaan dalam arena kokurikulum di sekolah.

"Hasrat murni Kementerian Pelajaran ini perlu dipenuhi oleh para guru, jurulatih dan pelajar yang terlibat demi melahirkan insan yang seimbang daripada segi akademik dan kokurikulum," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668941>